



MOD.100-2/1/2 Jld 8 ()09/06

KARNIVAL HARI KELUARGA KITA

LESTARIKAN KESEJAHTERAAN WARGA ATM DAN AWAM

1. **KLUANG, 28 Jun 2026** – Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin telah menyempurnakan Karnival Hari Keluarga Kita bersama warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Zon Selatan bertempat di X-Park, Kluang, Johor hari ini.
2. Seramai **lebih 2,600 anggota tentera bersama keluarga** telah hadir untuk bersama-sama dengan Menteri Pertahanan (MENHAN) di X-Park ini. Karnival yang diadakan di taman awam ini adalah anjuran 5 Regimen Askar Melayu Diraja (RAMD) dan telah diselaraskan oleh Sel Latih 7 Briged iaitu melibatkan Kem Mahkota dan Kem Batu Tiga.
3. Penganjuran karnival di lokasi awam ini bukan sekadar aktiviti riadah semata-mata, malah merupakan manifestasi penting kepada pelaksanaan **Pelan Strategik Pertahanan Negara (PSPN) 2026-2030**. Ia menyokong secara langsung dua teras utama PSPN iaitu **Teras 3: Pelestarian Kesejahteraan Warga Kerja Pertahanan** dan **Teras 4: Pemerkasaan Kerjasama Awam-Tentera (CIMIC) Bagi Menyokong Konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH)**.
4. Melalui pendekatan **“Whole-of-Government, Whole-of-Society” (WoGoS)**, karnival ini menjadi platform strategik untuk menyebarkan fungsi ATM dalam masyarakat serta memupuk semangat patriotisme yang menjadi asas kepada daya ketahanan nasional yang holistik.
5. Pelbagai aktiviti interaktif telah dianjurkan bagi merapatkan silaturrahim antara tentera dan rakyat, termasuk sukan moden seperti *pickleball*, futsal, dan badminton, serta pertandingan sukan tradisional seperti galah panjang dan sepak bulu ayam yang bertujuan memartabatkan warisan budaya tempatan.
6. Secara keseluruhan, penganjuran Karnival Hari Keluarga ATM telah berjaya menjadi platform utama bagi menjamin kebajikan dan kesejahteraan Warga Kerja Pertahanan MINDEF. Selain itu, program ini juga dapat mengukuhkan sokongan dan semangat warga pertahanan serta membuka peluang kepada

masyarakat untuk lebih memahami peranan ATM melalui interaksi sesama mereka dalam memelihara keamanan, keselamatan, dan kedaulatan negara.

7. Turut hadir ke karnival di Kluang adalah Ketua Staf Am Markas Panglima Medan Barat Tentera Darat, Mejar Jeneral Dato' Norsham bin Md Tap; Panglima 7 Briged, Brigedier Jeneral Dato' Zulhelmi bin Masdar; dan Ketua Jurutera Markas Tentera Darat, Brigedier Jeneral Ts. Sharuddin bin Mohd Noh.

-TAMAT-

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

Unit Komunikasi Strategik
Kementerian Pertahanan Malaysia
Dikeluarkan pada 28 Jun 2026